

Laut terbelah tarik perhatian ramai

Pengunjung
teruja nikmati
fenomena berlaku
sekali setahun
di Langkawi

BH 22/2/2023 Masihi 23

Oleh Hamzah Osman
bhnews@bh.com.my

Langkawi: Fenomena laut ‘terbelah’ dan kemunculan beting pasir kira-kira 600 meter di Pantai Tanjung Rhu di sini semalam, menarik perhatian kira-kira 1,000 pengunjung.

Kejadian unik selama sejam bermula hampir 7 pagi itu muncul sekali dalam setahun, selepas air laut di kawasan itu surut sehingga 0.1 meter.

Fenomena sama dijangka berlaku lagi hari ini mulai 8 pagi dan 9 pagi.

Pemandu pelancong Zoher Mustan, 58, berkata fenomena unik air laut surut pada paras 0.1 meter (m) dan ada ketika surut penuh berlaku pada setiap tahun.

“Pengunjung dapat berjalan



Pengunjung boleh berjalan sehingga ke beberapa pulau ketika air surut kira-kira sejam yang dikenali sebagai fenomena laut terbelah di Pantai Tanjung Rhu, Langkawi.

(Foto Hamzah Osman/BH)

kira-kira 600 meter sehingga Pulau Penyu, Pulau Kelam Baya dan Pulau Cabang.

“Pengunjung juga boleh menyaksikan pelbagai hidupan laut yang biasanya ditemui ketika selam scuba seperti ikan sebelah, cacing laut, ketam dan pena laut,” katanya.

“Pengunjung dapat berjalan

Turut meninjau fenomena air surut itu Pegawai Daerah Langkawi, Datuk Abdul Gafar Yahya.

Viral di media sosial

Abdul Gafar berkata, keunikan keadaan jarang berlaku itu boleh diketengah sebagai produk pe-

lancongan di pulau legenda itu.

“Rata-rata pengunjung mungkin tahu menerusi media sosial dan mereka teruja berjalan atas beting pasir dan melihat pelbagai habitat hidupan marin.

“Keselamatan juga terkawal kerana Angkatan Pertahanan Awam Malaysia membunyikan

siren amaran memastikan pengunjung berpatah balik, sebelum air pasang semula,” katanya.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Laut Malaysia Wilayah Utara, Mohd Hafiz Abdul Majid mengesahkan air laut surut pada paras 0.1 m selama tiga hari pada waktu berbeza bermula semalam.